

PM utus tahniah kepada Mursi
Utusan Online
01 Julai, 2012

KUALA LUMPUR 30 Jun - Datuk Seri Najib Tun Razak menghantar perutusan tahniah kepada Mohammed Mursi sempena majlis angkat sumpah sebagai Presiden baru Mesir hari ini.

Kementerian Luar dalam kenyataannya berkata, Perdana Menteri menerusi perutusan itu melahirkan keyakinan bahawa proses transformasi ke arah demokrasi di Mesir akan membawa satu perubahan yang besar di bawah kepimpinan Mursi.

Menurut kenyataan itu, Najib juga optimis bahawa dengan kepimpinan Mursi yang dinamik, Mesir akan terus memainkan peranan penting di arena antarabangsa demi kebaikan ummah dan manusia sejagat.

Tambah kenyataan itu lagi, Najib turut melahirkan hasrat untuk menjalin kerjasama rapat dengan Mursi bagi meneroka bidang baru yang berpotensi, di samping mengukuhkan hubungan erat yang sedia terjalin antara Malaysia dan Mesir.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0701&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_04.htm